

10 OCT 1997

Kampung-Buku

JAWATANKUASA PENGURUSAN KAMPUNG BUKU MALAYSIA DIUMUMKAN

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri meluluskan perlantikan Jawatankuasa Pengurusan Kampung Buku Malaysia di Langkawi.

Kampung buku itu yang terletak di Lubuk Semilang Ulu Melaka di sini adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan kampung itu, Abdul Rahman Ariffin berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh beliau itu dianggotai tokoh pendidikan dan tempatan yang akan menguruskan kampung itu.

Bekas Pegawai Pendidikan Daerah Haji Hashim Ismail dilantik sebagai pengarah, Haji Mohamad Din Mat (timbangan pengarah), Sohaimi Zainol Abidin (setiausaha pengurusan) manakala anggota jawatankuasa yang lain ialah wakil peribadi Menteri Besar, Ismail Yaakob, Chen Lai Weng dan peniaga P.Manogaran, katanya.

Abdul Rahman ketika ditemui selepas mesyuarat jawatankuasa itu di sini petang semalam berkata, jawatankuasa itu sedang mengenal pasti penerbit-penerbit untuk ditempatkan di enam bangunan yang dibina di kawasan kampung itu.

Menurut beliau, buat permulaan kira-kira 30,000 judul buku dengan pelbagai tajuk akan dipamerkan di kampung itu dan penerbit terkemuka Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) antara yang dikenal pasti untuk menduduki bangunan itu dengan menempatkan kira-kira 6,000 buku.

Kampung yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan menjadi tarikan baru kepada peminat buku dalam dan luar negara. Ia merupakan yang ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku di Miyagawa dan Kembuchi, katanya.

Menurut beliau, dengan wujudnya kampung itu ia akan mengalakkan rakyat Langkawi membaca dan ia dibangunkan di sebuah kawasan hutan lipur yang berlatarkan paya dan anak sungai dengan bangunan yang dibina berbentuk rumah kampung Melayu. -- BERNAMA

ZI NH PR